

Sepertimana semua sedia maklum, projek rumah kos rendah atau Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah dibuat dan dibina bagi tujuan membantu Rakyat Malaysia dan Kerajaan tidak pernah bercadang untuk menjadikan migran warganegara Syria ini sebagai rakyat Malaysia. Sebagai sebuah Kerajaan yang mementingkan kebijakan rakyat, perkara ini tidak akan dipandang secara sewenang-wenangnya.

Bagi menjawab soalan (b), sehingga kini seramai 79 orang migran Syria yang terdiri daripada 20 buah keluarga telah menyertai Program Kemanusiaan ini dan Kerajaan berhasrat untuk membawa masuk secara keseluruhan 500 migran Syria sehingga akhir tahun 2016.